JUZU' KE-28

SURAH AL-JUMU'AT

SURAH KE

62

سُورَةُ الجُمُعَةِ

SURAH AL-JUMU'AT

Surah Jumu'at

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

11

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ ٱلۡمَلِكِ ٱلۡقُدُّوسِ
ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡحَكِيمِ ١

هُوَ ٱلَّذِي بَعَثَ فِي ٱلۡأُمِّيِّـۧنَ رَسُولٗا مِّنۡهُمۡ يَتۡلُواْ عَلَيۡهِمۡ
ءَايَٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمۡ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحِكۡمَةَ وَإِن
كَانُواْ مِن قَبۡلُ لَفِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ٢

وَءَاخَرِينَ مِنۡهُمۡ لَمَّا يَلۡحَقُواْ بِهِمۡۚ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ٣

ذَٰلِكَ فَضۡلُ ٱللَّهِ يُؤۡتِيهِ مَن يَشَآءُۚ وَٱللَّهُ ذُو ٱلۡفَضۡلِ
ٱلۡعَظِيمِ ٤

مَثَلُ ٱلَّذِينَ حُمِّلُواْ ٱلتَّوۡرَىٰةَ ثُمَّ لَمۡ يَحۡمِلُوهَا كَمَثَلِ
ٱلۡحِمَارِ يَحۡمِلُ أَسۡفَارَۢاۚ بِئۡسَ مَثَلُ ٱلۡقَوۡمِ ٱلَّذِينَ
كَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِۚ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ
ٱلظَّٰلِمِينَ ٥

قُلۡ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ هَادُوٓاْ إِن زَعَمۡتُمۡ أَنَّكُمۡ أَوۡلِيَآءُ لِلَّهِ
مِن دُونِ ٱلنَّاسِ فَتَمَنَّوُاْ ٱلۡمَوۡتَ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ٦

وَلَا يَتَمَنَّوۡنَهُۥٓ أَبَدَۢا بِمَا قَدَّمَتۡ أَيۡدِيهِمۡۚ وَٱللَّهُ عَلِيمُۢ
بِٱلظَّٰلِمِينَ ٧

قُلۡ إِنَّ ٱلۡمَوۡتَ ٱلَّذِي تَفِرُّونَ مِنۡهُ فَإِنَّهُۥ مُلَٰقِيكُمۡۖ
ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عَٰلِمِ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم
بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ٨

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوۡمِ ٱلۡجُمُعَةِ
فَٱسۡعَوۡاْ إِلَىٰ ذِكۡرِ ٱللَّهِ وَذَرُواْ ٱلۡبَيۡعَۚ ذَٰلِكُمۡ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن
كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ٩

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ
وَٱبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِ ٱللَّهِ وَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ كَثِيرٗا لَّعَلَّكُمۡ
تُفۡلِحُونَ ١٠

وَإِذَا رَأَوۡاْ تِجَٰرَةً أَوۡ لَهۡوًا ٱنفَضُّوٓاْ إِلَيۡهَا وَتَرَكُوكَ قَآئِمٗاۚ
قُلۡ مَا عِندَ ٱللَّهِ خَيۡرٞ مِّنَ ٱللَّهۡوِ وَمِنَ ٱلتِّجَٰرَةِۚ وَٱللَّهُ
خَيۡرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ١١

"Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi bertasbih memuji Allah, Pemilik Yang Maha Agung, Yang Maha Suci, Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(1). Dialah yang telah mengutuskan kepada kaum Ummi seorang rasul dari mereka yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka walaupun mereka sebelum ini berada di dalam kesesatan yang amat jelas (2). Juga kepada orang-orang yang lain dari mereka yang belum lagi bersambung dengan mereka, dan Dia (Allah) Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(3). Itulah limpah kurnia Allah yang diberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar(4). Perbandingan orang-orang yang telah dipertanggungkan Taurat, kemudian mereka tidak menanggungnya sama seperti keldai yang menanggung kitab-kitab yang besar. Amatlah keji perbandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim(5). (Wahai Muhammad!) Katakanlah: Wahai orang-orang Yahudi! Jika benar kamu mendakwa bahawa hanya kamu sahaja orang-orang kesayangan Allah tidak orang-orang lain, maka hendaklah kamu bercita-cita mati jika kamu benar(6). Dan mereka tidak akan bercita-cita mati selama-lamanya kerana dosa-dosa yang telah dilakukan tangan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim(7). (Wahai Muhammad!) Katakanlah: Bahawa maut yang kamu lari darinya itu tetap akan menemui kamu, kemudian kamu akan dipulangkan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata dan

Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang dilakukan kamu(8). Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu diseru kepada solat pada hari Juma'at, maka pergilah kamu mengingati Allah dan tinggalkanlah jualbeli. Itulah yang lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui(9). Dan apabila solat selesai ditunaikan, maka berhamburlah kamu di bumi dan carilah sebahagian rezeki dari limpah kurnia Allah, dan berzikirlah sebanyak-banyak kepada Allah supaya kamu mendapat keuntungan(10). Dan apabila mereka melihat perniagaan atau hiburan, mereka menyerbu kepadanya dan meninggalkan engkau berdiri. Katakanlah balasan di sisi Allah adalah lebih baik dari hiburan dan perniagaan, dan Allah itulah sebaik-baik pemberi rezeki"(11).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini diturun selepas Surah as-Saff yang telah lalu. Ia juga mengolahkan persoalan yang diolahkan oleh Surah as-Saff, tetapi pengolahannya dari sudut yang lain, dengan gaya cara yang lain dan dengan pernyataan-pernyataan menarik yang baru.

Ia mahu menanamkan di dalam hati kelompok Muslimin di Madinah bahawa merekalah umat terpilih yang akhir untuk memikul amanah 'aqidah keimanan. Ini merupakan suatu limpah kurnia Allah kepada mereka. Juga ia mahu menanamkan dalam hati mereka bahawa kebangkitan Rasul yang akhir dalam kalangan kaum Ummi iaitu bangsa Arab merupakan satu pengurniaan Yang Maha Besar yang wajib dipandang berat dan disyukuri mereka. Pengurniaan itu juga memberi tugas-tugas yang harus dipikul oleh kelompok Muslimin yang telah menyambut da'wah Rasul dan memikul amanah itu, iaitu amanah yang terus bersambung dari zaman ke zaman tanpa putus-putus. Taqdir Allah telah menentukan bahawa benih da'wah ini harus subur dan berkembang setelah gagalnya Bani Israel memikul amanah ini dan putusnya hubungan mereka dengan amanah Allah. Kini mereka memikul Taurat sama seperti keldai membawa kitab-kitab yang besar di atas belakangnya tanpa komitmen untuk memahami isi kitab-kitab itu dan tanpa memberi apa-apa sumbangan kepadanya.

Itulah hakikat pokok yang dibicarakan oleh surah ini dan yang mahu ditanamkannya di dalam hati kaum Muslimin yang berada di Madinah pada masa itu khususnya, iaitu mereka yang telah ditugaskan Allah untuk menegakkan sistem hidup Islam di alam kenyataan, dan kaum Muslimin yang akan datang kemudian dari mereka, yang diisyarat oleh surah dan digabungkan oleh mereka ke dalam angkatan Muslimin yang bersambung-sambung di sepanjang zaman itu.

Dalam waktu yang sama surah ini memperkatakan tentang beberapa keadaan yang berlaku dalam angkatan pertama kaum Muslimin, iaitu semasa mereka berada dalam proses pembinaan jiwa yang sukar, halus dan mengambil masa yang panjang, iaitu pembersihan jiwa mereka dari daya-daya penarik yang menjadi penghalang perkembangannya, iaitu perasaan-perasaan tamak haloba dan keinginan yang terburu-buru untuk mendapatkan keuntungan, juga adat resam yang diwarisi masyarakat, dan khususnya perasaan kasihkan harta kekayaan dan sebab-sebabnya yang melalaikan kaum Muslimin dari tugas memikul amanah yang maha agung dan dari tugas menyiapkan diri untuk maksud itu. Surah ini menyebut satu peristiwa tertentu. Pada masa itu Rasulullah s.a.w. sedang menyampaikan khutbah Juma'at dalam masjid, tiba-tiba satu qafilah dari qafilah-qafilah perdagangan tiba di situ dan sebaik sahaja berita ketibaannya diumumkan, maka hadirin yang sedang mendengar khutbah itu keluar menyerbu kepada qafilah perdagangan dan hiburan yang biasanya diberikan kepada qafilah itu seperti memalu gendang dan menyanyi. Mereka meninggalkan Rasulullah s.a.w. berdiri, dan yang tinggal di situ hanya dua belas orang sahaja dari sahabat-sahabat yang teguh termasuk Abu Bakr dan 'Umar r.'anhum yang terus mendengar khutbah beliau. Walaupun riwayat-riwayat mengenai bilangan mereka itu boleh jadi kurang tepat, namun riwayat itu merupakan riwayat-riwayat yang thabit dari segi berlakunya kejadian penyerbuan keluar yang dilakukan oleh sebilangan hadirin yang perlu ditegur di dalam Al-Qur'anul-Karim.

Peristiwa ini sendiri menunjukkan sejauh mana usaha yang ditumpahkan untuk mendidik kelompok Muslimin yang pertama itu sehingga mereka berjaya menjadi contoh yang unik di dalam sejarah Islam dan di dalam sejarah umat manusia seluruhnya. Peristiwa ini juga menyarankan kepada kita supaya bersabar menempuh kesulitan mendidik dan membina jiwa di dalam mana-mana generasi Muslimin untuk membentuk kelompok Muslimin yang mampu memikul amanah 'aqidah Islam dan menegakkannya di alam kenyataan sebagaimana yang telah dilakukan oleh kelompok Muslimin pertama.

Di dalam surah ini juga disebut kisah mubahalah atau cabaran terhadap orang Yahudi, supaya mereka sanggup sama-sama berdo'a kepada Allah dengan cita-cita ditimpa maut ke atas pihak yang salah dari dua puak itu (puak Yahudi dan puak Islam). Cabaran ini dibuat sebagai menyambut dakwaan mereka bahawa merekalah golongan manusia kesayangan Allah dan bukannya golongan manusia yang lain, dan bahawa merekalah umat pilihan Allah dan bahawa kebangkitan Rasul itu tidak akan berlaku di kalangan umat lain dari mereka, tetapi Al-Qur'an dengan tegas menjelaskan bahawa mereka tidak akan sanggup menerima cabaran itu kerana mereka sedar bahawa dakwaan mereka adalah dusta. Kemudian surah ini mengulas peristiwa cabaran ini dengan menjelaskan hakikat maut yang ditakuti mereka itu, iaitu maut akan tetap menemui mereka dan mereka tetap akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, dan Allah akan memberitahu mereka segala perbuatan yang telah dilakukan mereka. Penjelasan ini bukan hanya ditujukan kepada orang Yahudi sahaja, malah Al-Qur'an mengemukakan penjelasan itu dan membiarkannya begitu supaya mempengaruhi jiwa kaum Muslimin juga, kerana hakikat ini perlu tersemat

di dalam jiwa pendukung-pendukung amanah Allah di bumi supaya mereka melaksanakan tugas-tugas mereka dengan pengetahuan yang cukup ke jalan mana mereka tuju.

Inilah maksud surah ini dan ia hampir-hampir sama dengan maksud Surah as-Saff sebelumnya. Yang berbeza hanya sudut yang diolah oleh masing-masing surah itu dan gaya cara yang digunakan masing-masing untuk menarik hati manusia. Sekarang marilah kita memperhatikan bagaimana gaya cara Al-Qur'an membicarakan maksud ini.

******

(Pentafsiran ayat 1)

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِ ٱلْمَلِكِ ٱلْقُدُّوسِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَكِيمِ ﴿١﴾

"Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi bertasbih memuji Allah, Pemilik Yang Maha Agung, Yang Maha Suci, Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(1)

Sifat-sifat Allah Yang Mempunyai Hubungan Yang Halus Dengan Pembicaraan Surah

Ayat permulaan ini menjelaskan hakikat tasbih yang berterusan diucapkan oleh seluruh makhluk di alam al-wujud. Ia menyifatkan Allah dengan sifat-sifat yang ada kaitan yang seni dengan maudhu' surah ini, iaitu surah yang dinamakan dengan nama "al-Jumu'at" yang mengandungi pengajaran mengenai solat Juma'at, penumpuan kepada Zikrullah di waktu solat Juma'at, meninggalkan hiburan dan perniagaan dan mencari keredhaan Allah dan ini adalah lebih baik dari hiburan dan perniagaan. Kerana itu Al-Qur'an menyebut sifat Allah "الملك" atau Pemilik Yang Maha Agung yang memiliki segala sesuatu di alam ini kerana sifat ini ada kaitan dengan kegiatan perniagaan yang mereka tergesa-gesa menyerbu kepadanya untuk mendapatkan keuntungan. Kemudian ia menyebut sifat "القدوس" Yang Maha Suci, yang seluruh isi langit dan bumi bertawajjuh kepada-Nya dengan ucapan taqdis dan tanziyah, kerana sifat ini ada kaitan dengan hiburan yang melalaikan mereka dari mengingati Allah. Kemudian ia menyebut sifat "العزيز" Yang Maha Perkasa kerana ada kaitan dengan mubahalah, di mana orang-orang Yahudi dicabar melakukannya, dan dengan maut yang pasti dihadapi oleh seluruh manusia, juga ada kaitan dengan hakikat seluruh manusia pulang kepada Allah dan dengan hakikat hisab. Kemudian ia menyebut sifat "الحكيم" Yang Maha Bijaksana kerana ada kaitan dengan pemilihan Allah yang telah memilih kaum Ummi yang dibangkitkan dalam kalangan mereka seorang rasul yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka. Semua sifat-sifat itu mempunyai kaitan-kaitan yang halus dan seni.

******

(Pentafsiran ayat 2)

Rasul Terakhir Dipilih Dari Kalangan Kaum Ummi Arab

Kemudian Al-Qur'an mula membicaraan persoalan pokok dari surah ini:

هُوَ ٱلَّذِي بَعَثَ فِي ٱلْأُمِّيِّـۧنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُواْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَإِن كَانُواْ مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

"Dialah yang telah mengutuskan kepada kaum Ummi seorang rasul dari mereka yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka walaupun mereka sebelum ini berada di dalam kesesatan yang amat jelas."(2)

Menurut satu pendapat orang-orang Arab itu dinamakan kaum Ummi kerana kebanyakan mereka tidak tahu membaca dan menulis. Menurut satu riwayat dari Rasulullah s.a.w. beliau telah bersabda:

الشهر هكذا وهكذا وهكذا وأشار بأصابعه وقال:
إن نحن أمة أمية لا نحسب ولا نكتب .

"Bulan itu begini, begini dan begini. Dan beliau memberi isyarat dengan tangannya sambil bersabda: Kami adalah satu umat yang Ummi, kami tidak tahu mengira dan menulis."[1]

Menurut satu pendapat yang lain pula sebab dinamakan orang yang tidak tahu menulis itu sebagai Ummi kerana ia dihubungkan dengan keadaannya yang jahil semasa dilahirkan ibunya, sebab kepandaian menulis itu hanya dicapai melalui belajar.

Mungkin juga orang-orang Arab itu dinamakan begitu sama seperti orang-orang Yahudi menamakan bangsa yang lain dari mereka sebagai 'Goyim' dalam bahasa Hebrew yang bererti 'Bangsa-bangsa asing' atau umamiyun' nisbah kepada umat-umat yang lain. Ini dengan sifat mereka sebagai satu bangsa pilihan Allah, sedangkan bangsa-bangsa yang lain merupakan bangsa-bangsa asing belaka. Kata nisbah "أمة" yang mufrad dalam bahasa Arab ialah Ummi. Barangkali pentafsiran ini lebih dekat kepada maudhu' surah ini.

Orang-orang Yahudi (di zaman itu) memang menunggu-nunggu kebangkitan Rasul yang akhir dari kalangan bangsa mereka dengan harapan bahawa Rasul inilah yang akan dapat menyatupadukan orang-orang mereka yang telah berpecahbelah itu dan menolong mereka menang kembali setelah mereka dikalahkan umat yang lain, juga mengangkatkan mereka ke taraf yang mulia setelah mereka jatuh ke

---

[1] *Hadith ini disebut oleh al-Imam al-Jasas pengarang* أحكام القرآن *tanpa sanad.*

taraf yang hina. Mereka sentiasa memohon kemenangan dengan Nabi yang akhir itu.

Tetapi kebijaksanaan Allah telah menghendaki bahawa Nabi yang akhir itu dibangkitkan dari bangsa Arab dari golongan Ummi yang lain dari bangsa Yahudi, kerana Allah mengetahui bahawa bangsa Yahudi tidak lagi mempunyai kelayakan untuk memegang teraju kepimpinan baru yang sempurna bagi umat manusia, sebagaimana akan diterangkan dalam bahagian yang berikut dalam surah ini. Bangsa Yahudi itu telah menyimpang dari jalan yang benar dan sesat sebagaimana telah diterangkan oleh Surah as-Saff, kerana itu mereka tidak layak untuk memikul tugas amanah 'aqidah setelah berlaku penyelewengan dalam sejarah mereka yang panjang.

Di sana do'a Nabi Ibrahim Khalilur-Rahman bersama anaknya Nabi Ismail telah bergema di bawah naungan Baitullah:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَٰهِـۧمُ ٱلْقَوَاعِدَ مِنَ ٱلْبَيْتِ وَإِسْمَـٰعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿١٢٧﴾ رَبَّنَا وَٱجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةً مُّسْلِمَةً لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾ رَبَّنَا وَٱبْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٢٩﴾

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim dan Ismail membina asas-asas rumah Ka'bah (dan berdo'a): Wahai Tuhan kami! terimalah (usaha ini) dari kami, sesungguhnya Engkau Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Wahai Tuhan kami! Jadikan kami berdua Muslim (yang berserah) kepada-Mu dan jadikan dari zuriat kami umat Muslimin (yang berserah) kepada-Mu. Tunjukkan kepada kami ibadat kami dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkau Maha Penerima Taubat dan Maha Penyayang. Wahai Tuhan kami! Bangkitkanlah dalam kalangan mereka (zuriat kami) seorang rasul dari mereka yang membaca ayat-ayat-Mu kepada mereka, mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka dan membersihkan jiwa mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."

(Surah al-Baqarah: 127-129)

Itulah do'a yang bergema di sebalik alam ghaib dan di sebalik abad-abad yang silam dan yang tersimpan di sisi Allah dan tidak pernah hilang sehingga tiba waktunya yang telah ditentukan dalam ilmu Allah menurut keputusan-Nya yang bijaksana, dan sehingga do'a itu menjadi kenyataan di dalam waktunya yang sesuai, sebagaimana yang diaturkan oleh perencanaan Ilahi, dan sehingga ia dapat melaksanakan peranannya di alam buana ini mengikut tadbir Ilahi yang tidak pernah cepat dan tidak pernah lewat walau sedikitpun dari masanya yang telah ditetapkan itu.

Kemudian do'a ini telah menjadi kenyataan mengikut taqdir dan tadbir Allah, tepat (seperti ungkapan do'a Ibrahim a.s.) yang diulangkan di sini oleh surah ini untuk mengingatkan kata-kata beliau:

رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ

"Seorang rasul dari mereka yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka."(2)

Sama seperti yang diucapkan Ibrahim a.s. hingga kepada sebutan sifat-sifat Allah pada do'a beliau:

إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٢٩﴾

"Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."

(Surah al-Baqarah: 129)

Itulah sifat yang sama yang disebut sebagai ulasan untuk mengingatkan limpah kurnia-Nya yang besar:

وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٣﴾

"Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(3)

Rasulullah s.a.w. pernah ditanya mengenai dirinya, lalu beliau bersabda:

دعوة أبي إبراهيم وبشرى عيسى . ورأت أمي حين حملت بي كأنه خرج منها نور أضاءت له قصور بصرى من أرض الشام

"Aku ini adalah hasil do'a moyangku Ibrahim dan bisyarah 'Isa. Ibuku telah bermimpi ketika dia mengandungkanku bahawa dia melihat satu cahaya yang menerangi istana Busra di negeri Syam."[2]

هُوَ ٱلَّذِى بَعَثَ فِى ٱلْأُمِّيِّـۧنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا۟ مِن قَبْلُ لَفِى ضَلَـٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

"Dialah yang telah mengutuskan kepada kaum Ummi seorang rasul dari mereka yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka walaupun mereka sebelum ini berada di dalam kesesatan yang amat jelas."(2)

Limpah kurnia Allah itu amat jelas sekali apabila Dia memilih kaum Ummi untuk menjadikan mereka Ahli Kitab Al-Qur'an yang amat nyata dan mengutuskan

---

[2] *Dari riwayat Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Thaur ibn Ziyad dari Khalid ibn Ma'dan dari Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. Ujar Ibn Kathir: Ini adalah satu sanad yang baik. Di sana ada lagi syawahid yang diriwayatkan olehnya dari jalan-jalan yang lain.*

kepada mereka seorang rasul dari kalangan mereka untuk mengangkatkan mereka ke darjat yang tinggi dan mengeluarkan mereka dari kebutaan huruf mereka atau dari sifat keummiyan mereka dengan membacakan ayat-ayat Allah kepada mereka, mengubahkan keadaan jiwa dan hidup mereka dan membezakan mereka dari umat-umat yang lain.

Maksud **"membersihkan jiwa mereka"** ialah pembersihan hati nurani dan perasaan, pembersihan pekerjaan dan tingkahlaku, pembersihan kehidupan berumahtangga. Pembersihan kehidupan sosial, pembersihan yang meluhurkan jiwa mereka dari 'aqidah syirik kepada 'aqidah tauhid, dari kepercayaan-kepercayaan yang batil kepada kepercayaan yang benar dan dari dongeng-dongeng yang kabur kepada keyakinan yang amat jelas. Juga meluhurkan jiwa mereka dari noda-noda kekacauan akhlak kepada kebersihan budi pekerti yang beriman, dari kekotoran riba dan pendapatan yang haram kepada kebersihan pendapatan yang halal. Ia merupakan satu pembersihan yang meliputi individu dan kelompok, meliputi kehidupan kebatinan dan kehidupan di alam kenyataan. Pembersihan yang meningkatkan manusia dan kefahaman-kefahamannya terhadap hidup seluruhnya, terhadap dirinya sendiri dan terhadap kelahirannya kepada ufuk-ufuk nur di mana ia dapat berhubung dengan Allah dan berinteraksi dengan alam al-Mala'ul-A'la dan menghisabkan perasaan dan amalannya dengan hisab para malaikat tertinggi yang amat mulia itu.[3]

Maksud **"Dan mengajar kitab dan hikmat kepada mereka"** ialah mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an supaya mereka menjadi umat yang mengerti kitab Allah dan mengajar hikmat kepada mereka supaya mereka dapat memahami hakikat-hakikat segala persoalan, membuat perencanaan yang baik, juga mengilham kepada mereka keputusan-keputusan yang saksama dan tindakan-tindakan yang betul. Itulah kebaikan-kebaikan yang melimpah-ruah.

Maksud, **"Walaupun mereka sebelum ini berada di dalam kesesatan yang amat jelas"**, ialah kesesatan jahiliyah yang pernah dijelaskan oleh Ja'far ibn Abu Talib kepada Najjasyi Seri Maharaja Habsyah semasa kaum Quraysy mengirim 'Amr ibn al-'Aas dan Abdullah ibn Abu Rabi'ah kepada baginda untuk menghasut baginda supaya bencikan kaum Muslimin yang berhijrah ke negeri itu dengan memburuk-burukkan mereka agar baginda menghalau mereka. Ja'far telah mengadap baginda dan berkata:

> "Wahai Seri Maharaja, kami dahulu adalah satu kaum yang hidup dalam keadaan jahiliyah, kami menyembah berhala, kami makan bangkai, kami melakukan kejahatan-kejahatan, kami memutuskan hubungan rahim, kami menyakiti jiran tetangga dan orang-orang yang kuat dari kami menelan orang-orang yang lemah. Demikianlah keadaan hidup kami sehingga Allah utuskan kepada kami seorang rasul dari kalangan kami sendiri. Kami kenal asal-usul keturunannya, kebenaran percakapannya, kejujuran dan kesucian hatinya. Beliau menyeru kami beriman kepada Allah dengan mentauhidkan-Nya dan beribadat kepada-Nya, beliau menyeru kami supaya membuang segala sembahan yang lain dari Allah yang disembah oleh kami dan datuk nenek kami dari batu-batu dan berhala-berhala. Beliau menyuruh kami bercakap benar, menunaikan amanah, menyambung tali hubungan rahim, memberi layanan yang baik kepada jiran tetangga, menahan diri dari melakukan kejahatan-kejahatan dan bercakap bohong, makan harta anak yatim dan menuduh perempuan-perempuan yang baik dengan tuduhan-tuduhan yang curang dan beliau menyuruh kami menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa dan beliau menyuruh kami mendirikan solat, menunaikan zakat dan mengerjakan puasa."

Walaupun mereka hidup dalam keadaan jahiliyah, namun Allah mengetahui mereka layak menjadi pendukung-pendukung dan pemegang amanah 'aqidah ini. Allah mengetahui mereka mempunyai kesediaan semulajadi untuk tugas-tugas kebajikan, mempunyai bakat untuk memikul tugas da'wah yang baru, setelah kosongnya kesediaan-kesediaan dan bakat-bakat itu dari jiwa kaum Yahudi yang telah dirosakkan oleh kehidupan mereka yang sekian lama tertindas hingga menyebabkan jiwa mereka penuh kompleks-kompleks, penyelewengan-penyelewengan dan kesesatan-kesesatan. Kerana itu mereka tidak dapat dibetulkan lagi buat selama-lamanya selepas itu, sama ada dalam masa hidup Nabi Musa a.s. atau dalam masa Nabi-Nabi yang lain yang datang selepas beliau. Sehingga Allah telah menetapkan laknat-Nya dan kemurkaan-Nya ke atas mereka dan merampas kembali dari tangan mereka tugas pengawas amanah agamanya di bumi ini sehingga hari Qiamat.

Allah mengetahui bahawa Semenanjung Tanah Arab di zaman itu merupakan sebaik-baik tapak da'wah yang datang untuk membebaskan seluruh alam dari kesesatan jahiliyah dan dari keruntuhan tamadun empayar-empayar yang agung di mana ulat-ulat perosak telah memamah tamadun itu hingga ke jantungnya. Keadaan ini telah disifatkan oleh seorang penulis barat seperti berikut:

Kedudukan Dunia Yang Bertamadun Di Abad Yang Kelima Dan Keenam

> "Di dalam abad yang kelima dan keenam kawasan dunia yang bertamadun adalah berada di tepi jurang kekacauan, kerana 'aqidah-'aqidah agama yang telah menolong membangunkan tamadun itu telah runtuh. Di sana tidak ada lagi satu 'aqidah yang baik yang dapat mengambil tempatnya. Jelaslah di waktu ini bahawa tamadun yang agung yang telah mengambil masa selama 4,000 tahun untuk membangunkannya itu sedang

---

[3] *Semaklah secara meluas dari kitab* "الإنسان بين المادية والإسلام" *Oleh Muhammad Qutb.*

menghampiri kehancuran dan keruntuhan. Umat manusia ketika itu hampir-hampir kembali semula kepada keadaan yang jakun, kerana suku-suku kaum sentiasa berperang dan berbunuh-bunuhan antara satu sama lain. Di sana tiada peraturan dan undang-undang. Sementara peraturan-peraturan yang telah diwujudkan oleh agama Kristian telah menjalankan fungsi yang memecahbelah dan menghancur menggantikan fungsinya yang menyatupadu dan menegakkan peraturan. Tamadun di waktu itu ibarat sebatang pokok yang besar dengan dahannya menghulur jauh menaungi seluruh alam tetapi berdiri terumbang-ambing kerana kerosakan telah menjalar di dalam tubuhnya hingga ke terasnya dan di tengah-tengah gejala kerosakan yang menyeluruh inilah lahirnya lelaki yang menyatukan alam seluruhnya."[4]

Gambaran ini diambil dari sudut pandangan seorang penulis Eropah, tetapi gambaran dari sudut pandangan Islam adalah lebih gelap dan kelam lagi.

Allah S.W.T. telah memilih umat Badwi di Semenanjung Tanah Arab yang penuh dengan padang-padang gurun itu untuk mendukung agama ini, kerana Allah mengetahui jiwa mereka dan suasana yang dihadapi mereka mempunyai kesediaan untuk menerima pembaikan, juga mempunyai kesediaan untuk berkorban dan memberi. Lalu Allah utuskan kepada mereka seorang rasul yang membaca ayat-ayat Allah kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka, walaupun sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang amat jelas.

(Pentafsiran ayat 3)

وَءَاخَرِينَ مِنْهُمْ لَمَّا يَلْحَقُوا۟ بِهِمْ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٣﴾

"Juga kepada orang-orang yang lain dari mereka yang belum lagi bersambung dengan mereka, dan Dia (Allah) Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(3)

Siapakah Angkatan Muslimin Kemudian?

Di sana terdapat beberapa riwayat mengenai maksud **"Orang-orang yang lain dari mereka"** itu.

Ujar al-Imam al-Bukhari Rahimahullah: Kami telah diceritakan oleh Abdul Aziz ibn Abdullah, kami telah diceritakan oleh Sulayman ibn Bilal, dari Thaur, dari Abul al-Ghayth, dari Abu Hurayrah r.a. katanya, "Kami sedang duduk di sisi Nabi s.a.w. tiba-tiba diturunkan kepadanya Surah al-Jumu'at:

وَءَاخَرِينَ مِنْهُمْ لَمَّا يَلْحَقُوا۟ بِهِمْ ۚ

"Juga kepada orang-orang yang lain dari mereka yang belum lagi bersambung dengan mereka."(3)

Mereka bertanya: **"Siapakah orang-orang itu, wahai Rasulullah?"** Beliau tidak menjawab pertanyaan itu sehingga ditanya sebanyak tiga kali. Di antara kami termasuk Salman al-Farisi, lalu Rasulullah s.a.w. meletakkan tangannya di atas Salman al-Farisi, kemudian beliau bersabda, "Jika iman itu berada di bintang Thuria nescaya ia dicapai oleh lelaki atau seorang lelaki dari mereka." Ini menunjukkan bahawa maksud nas ini merangkumi penduduk negeri Parsi. Kerana inilah Mujahid mentafsirkan ayat ini, "Mereka ialah orang-orang 'Ajam dan siapa sahaja yang beriman kepada Nabi s.a.w. dari bangsa-bangsa yang bukan Arab."

Ujar Ibn Abu Hatim: Kami telah diceritakan oleh bapa kami, kami telah diceritakan oleh Ibrahim ibn al-A'la az-Zubaydi, kami telah diceritakan oleh al-Walid ibn Muslim, kami telah diceritakan oleh Abu Muhammad 'Isa ibn Musa dari Abu Hazim, dari Sahl ibn Sa'd. as-Sa'idi katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن في أصلاب أصلاب أصلاب رجال ونساء من أمتي يدخلون الجنة بغير حساب . ثم قرأ :((وآخرين منهم لما يلحقوا بهم)).

"Sesungguhnya di dalam keturunan demi keturunan, demi keturunan, demi keturunan, terdapat lelaki-lelaki dan wanita-wanita yang masuk Syurga tanpa Hisab. Kemudian beliau membaca: Juga kepada orang-orang yang lain dari mereka yang belum lagi bersambung dengan mereka."

Maksudnya, ialah sekalian mereka yang tinggal dari umat Muhammad s.a.w.

Kedua-dua pendapat ini termasuk di dalam maksud ayat ini iaitu orang-orang yang lain dari bangsa Arab dan orang-orang yang lain dari generasi yang diturunkan Al-Qur'an kepada mereka. Ayat ini menunjukkan bahawa umat Islam itu merupakan mata-mata rantai yang terus bersambung-sambung di merata pelosok bumi dan di sepanjang liku-liku zaman. Mereka silih berganti mendukung amanah yang agung dan berdiri teguh di atas agama Allah yang akhir ini.

وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٣﴾

"Dan Dia Maha Perkasa Dan Maha Bijaksana."(3)

Maksud, **"Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana,"** ialah Allah itu amat berkuasa membuat pilihan mengangkatkan Rasul dan amat bijaksana dan arif di mana hendak meletakkan pilihan-Nya itu. Siapa sahaja yang menjadi pilihan-Nya sama ada orang-orang yang dahulu atau orang-orang yang kemudian merupakan limpah kurnia dan kemurahan dari-Nya.

(Pentafsiran ayat 4)

ذَٰلِكَ فَضْلُ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ ذُو ٱلْفَضْلِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٤﴾

---

[4] *Dari buku "Emotion as the Basis of Civilzation" (Emosi Sebagai Asas Tamadun) oleh J.H. Denison (1928), dinukilkan dari kitab* الإسلام والنظام العالمي الجديد! *(Islam Dan Sistem Antarabangsa Yang Baru) karangan Maulana Muhammad Ali terjemahan al-Ustaz Ahmad Jaudah as-Sahhar.*

"Itulah limpah kurnia Allah yang diberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar."(4)

Pemilihan Allah terhadap satu umat atau satu kumpulan atau satu individu untuk mendukung amanah yang agung ini dan untuk menjadi tempat simpanan nur Allah, dan tempat menerima limpah kurnia-Nya, serta pusat perhubungan langit dengan bumi. pemilihan itu merupakan suatu kelebihan yang tidak dapat ditanding dengan kelebihan-kelebihan yang lain. Ia merupakan kelebihan agung yang mengatasi segala apa yang dikorbankan seseorang Mu'min dari dirinya, harta bendanya dan nyawanya, dan mengatasi segala kepayahan perjalanan, segala kesakitan dalam perjuangan dan segala keseksaan dalam jihad.

Allah mengingatkan kelompok Muslimin di Madinah dan kaum Muslimin yang datang selepas mereka yang belum lagi berhubung dengan mereka terhadap limpah kurnia Allah yang telah memilih mereka untuk mendukung amanah yang agung itu dan untuk dibangkitkan di dalam kalangan mereka seorang rasul yang membaca ayat-ayat-Nya kepada mereka, membersihkan jiwa mereka dan mengajar kitab suci dan hikmat kepada mereka. Allah tinggalkan kepada kaum Muslimin yang datang di dalam berbagai-bagai zaman itu satu stok simpanan yang besar dari bekalan Ilahi, dari contoh-contoh teladan yang berlaku dalam angkatan Muslimin yang pertama. Allah mengingatkan mereka terhadap pengurniaan yang amat besar itu, iaitu satu pengurniaan yang membuat seluruh nilai-nilai dan ni'mat-ni'mat yang lain kelihatan begitu kecil di sampingnya. dan membuat seluruh pengorbanan dan kesakitan-kesakitan dalam perjuangan begitu kerdil di sampingnya.

******

(Pentafsiran ayat 5)

Keberakhiran Peranan Kaum Yahudi Memegang Teraju Kepimpinan Agama Allah

Kemudian Al-Qur'an menyebut satu hakikat yang menunjukkan bahawa peranan umat Yahudi dalam memikul amanah itu telah pun berakhir, mereka tidak lagi mempunyai hati yang dapat memikul amanah itu, kerana amanah itu hanya dapat dipikul oleh hati-hati yang hidup, yang faham, yang mengerti, yang sedar, yang ikhlas dan yang mengamalkan segala ajaran yang dipikulnya:

مَثَلُ ٱلَّذِينَ حُمِّلُوا۟ ٱلتَّوْرَىٰةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ ٱلْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًۢا ۚ بِئْسَ مَثَلُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥﴾

"Perbandingan orang-orang yang telah dipertanggungkan Taurat, kemudian mereka tidak menanggungnya sama seperti keldai yang menanggung kitab-kitab yang besar. Amatlah keji perbandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim."(5)

Kaum Bani Israel telah dipertanggungjawabkan dengan kitab Taurat dan ditugas memegang amanah 'aqidah dan syari'at, tetapi mereka gagal melaksanakan tanggungjawab itu kerana tugas menanggung Taurat itu harus bermula dengan usaha memahami dan mengerti isi kandungannya dan berakhir dengan amalan dan tindakan untuk merealisasikan maksud-maksudnya di alam hati dan alam kenyataan, tetapi sejarah Bani Israel sebagaimana dibentangkan oleh Al-Qur'anul-Karim dan mengikut hakikatnya yang sebenar tidak membuktikan bahawa mereka telah menghargai amanah yang agung itu dan tidak pula membuktikan bahawa mereka telah memahami hakikatnya, dan seterusnya tidak pula membuktikan bahawa mereka telah beramal dengannya. Oleh kerana itu mereka dibandingkan dengan keldai yang memikul kitab-kitab yang besar di atas belakangnya, tanpa mendapat apa-apa habuan selain dari menanggung berat kitab-kitab itu sahaja, kerana ia bukannya pemilik kitab-kitab itu dan bukan pula kongsi dalam tujuan kitab-kitab itu.

Ini adalah satu gambaran yang hina dan satu perbandingan yang keji, tetapi gambaran itu amat tepat menggambarkan satu hakikat yang benar.

بِئْسَ مَثَلُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥﴾

"Amatlah keji perbandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah, dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim."(5)

Sama dengan kaum Yahudi yang telah dipertanggung-jawabkan dengan kitab at-Taurat kemudian mereka tidak melaksanakan tanggungjawabnya ialah semua orang yang telah dipertanggungjawabkan dengan amanah 'aqidah kemudian mereka tidak melaksanakan tanggungjawab itu, dan semua orang Islam dari generasi-generasi yang telah berlalu dan semua orang Islam yang hidup di zaman ini yang memakai nama-nama orang Islam tetapi tidak beramal dengan amalan orang-orang Islam yang sebenar, terutama sekali orang-orang Islam yang membaca Al-Qur'an dan kitab-kitab kemudian mereka tidak beramal dengannya. Seluruh orang ini adalah sama sahaja dengan keldai yang membawa kitab-kitab yang besar di atas belakangnya. Orang-orang seperti ini memang banyak dan memang ramai. Yang menjadi masalah di sini bukannya masalah memikul dan membaca kitab, tetapi masalah memahami dan mengambarkan apa yang diajar di dalam kitab-kitab itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

Dakwaan-dakwaan Palsu Dan Angkuh Kaum Yahudi

Di zaman dahulu kaum Yahudi berfikir sama seperti yang difikirkan mereka pada hari ini iaitu mereka merupakan satu bangsa pilihan Allah. Merekalah sahaja hamba-hamba kesayangan Allah, sedangkan orang-orang yang lain adalah kaum Goyim atau bangsa-bangsa asing (Umami) atau golongan Ummi. Oleh sebab inilah mereka tidak dituntut mengamalkan hukum-hukum agama mereka terhadap kaum Ummi:

قَالُوا۟ لَيْسَ عَلَيْنَا فِى ٱلْأُمِّيِّـۧنَ سَبِيلٌ

"Mereka berkata tiada sebarang dosa di atas kami terhadap orang-orang ummi"

(Surah Aali-'Imran: 75)

dan sebagainya dari dakwaan-dakwaan mereka yang bohong terhadap Allah tanpa bersandarkan kepada satu dalil. Dalam ayat yang berikut ini dikemukakan mubahalah iaitu cabaran yang berulang-ulang kali dikemukakan kepada mereka, kepada kaum Kristian dan kepada kaum Musyrikin:

Kaum Yahudi Dikecam Kerana Takut Mati

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ هَادُوٓا۟ إِن زَعَمْتُمْ أَنَّكُمْ أَوْلِيَآءُ لِلَّهِ مِن دُونِ ٱلنَّاسِ فَتَمَنَّوُا۟ ٱلْمَوْتَ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٦﴾ وَلَا يَتَمَنَّوْنَهُۥٓ أَبَدًۢا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٧﴾

قُلْ إِنَّ ٱلْمَوْتَ ٱلَّذِى تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُۥ مُلَٰقِيكُمْ ۖ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Wahai orang-orang Yahudi! Jika benar kamu mendakwa bahawa hanya kamu sahaja orang-orang kesayangan Allah tidak orang-orang lain, maka hendaklah kamu bercita-cita mati jika kamu benar(6). Dan mereka tidak akan bercita-cita mati selama-lamanya kerana dosa-dosa yang telah dilakukan tangan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim(7). (Wahai Muhammad!) Katakanlah: Bahawa maut yang kamu lari darinya itu tetap akan menemui kamu, kemudian kamu akan dipulangkan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata dan Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang dilakukan kamu."(8)

Kaum Yahudi Dicabar Mengadakan Upacara Bermubahalah Dengan Rasulullah

Cabaran bermubahalah yang dimaksudkan di sini ialah dua puak yang bertentangan berdiri berhadapan muka kemudian kedua-duanya sama-sama berdo'a kepada Allah supaya ditimpakan bala ke atas pihak yang tidak benar. Setiap orang yang dicabar oleh Rasulullah s.a.w. supaya bermubahalah dengannya merasa takut dan tidak mahu menerima cabaran itu. Ini menunjukkan bahawa mereka akui kebenaran Rasulullah s.a.w. dan kebenaran agama ini di dalam lubuk hati mereka.

Ujar al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Ismail ibn Yazid az-Zaraqi, kami telah diceritakan oleh Abu Yazid, kami telah diceritakan oleh Furat dari Abdul Karim ibn Malik al-Jazari, dari 'Ikrimah dari ibn 'Abbas katanya: Abu Jahl La'natullah telah berkata: "Jika aku nampak Muhammad di Ka'bah nescaya aku akan pergi menemuinya dan memijak lehernya." Kata ibn 'Abbas: Sabda Rasulullah s.a.w.: *"Jika dia (Abu Jahl) berbuat begitu nescaya dia akan diseksakan malaikat secara terang-terangan, dan jika orang-orang Yahudi itu bercita-cita mati nescaya mereka akan mati dan melihat tempat mereka di dalam Neraka, dan jika orang-orang yang mahu bermubahalah dengan Rasulullah s.a.w. itu keluar nescaya mereka akan pulang (ke rumah mereka) tanpa mendapati keluarga dan harta."*[5]

Mungkin ajakan ini bukannya dituju sebagai mubahalah bahkan sebagai satu cabaran biasa sahaja dengan sebab mereka mendakwa bahawa mereka sahaja orang-orang kesayangan Allah bukannya orang-orang lain: Jika dakwaan mereka benar, mengapa mereka takut kepada maut, dan mengapa mereka jadi makhluk Allah yang paling pengecut? Bukankah jika mereka mati, mereka akan menerima balasan yang baik di sisi Allah sebagaimana diterima oleh orang-orang kesayangan Allah dan orang-orang yang hampir kepada Allah?

Kemudian Al-Qur'an menggulung cabaran ini dengan keterangan yang menunjukkan bahawa mereka tidak benar di dalam dakwaan-dakwaan mereka, dan mereka sedar bahawa mereka tidak membuat amalan-amalan bekalan untuk masa depan Akhirat yang menenangkan hati mereka dan yang dapat diharapkan mereka untuk memperolehi balasan yang baik dan maqam yang hampir di sisi Allah. Apa yang telah dilakukan mereka selama ini ialah kerja-kerja maksiat, dan inilah yang membuat mereka takut kepada maut dan balasan-balasan selepasnya. Orang yang tidak menyediakan bekalan tentulah takut untuk berjalan.

وَلَا يَتَمَنَّوْنَهُۥٓ أَبَدًۢا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٧﴾

"Dan mereka tidak akan bercita-cita mati selama-lamanya kerana dosa-dosa yang telah dilakukan tangan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim."(7)

Pada akhirnya, Al-Qur'an menerangkan hakikat maut dan apa yang akan berlaku selepasnya. Ia

---

[5] *Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari, at-Tirmizi dan an-Nasa'i dari hadith Abdul Razaq dari Ma'mar dari Abdul Karim.*

menjelaskan kepada mereka betapa tidak bergunanya usaha mereka untuk lari dari maut, kerana maut merupakan sesuatu yang wajib berlaku yang tidak dapat dihindari darinya, begitu juga segala apa yang akan berlaku selepas maut seperti kepulangan kepada Allah dan hisab di atas amalan merupakan sesuatu yang wajib berlaku yang tidak dapat diragui lagi:

قُلْ إِنَّ ٱلْمَوْتَ ٱلَّذِى تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُۥ مُلَٰقِيكُمْ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Bahawa maut yang kamu lari darinya itu tetap akan menemui kamu, kemudian kamu akan dipulangkan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata dan Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang dilakukan kamu."(8)

Ini merupakan satu peringatan dari peringatan-peringatan Al-Qur'an yang bertujuan menanamkan di dalam hati manusia hakikat maut yang dilupai mereka, sedangkan maut tetap mengejar mereka di mana sahaja mereka berada. Hidup ini tetap berakhir. Menjauhi diri dari Allah dalam hidup ini tetap berakhir dengan kepulangan kepada-Nya. Tiada tempat perlindungan dari 'azab Allah melainkan dengan kembali kepada Allah. Hisab dan balasan selepas kembali kepada Allah wajib berlaku, tiada lagi tempat untuk lari dan mengelakkan diri darinya.

At-Tabari dalam Mu'jamnya telah meriwayatkan sebuah hadith yang marfu' dari hadith Mu'az, dari Yunus dari al-Hassan dari Samurah:

مثل الذي يفر من الموت كمثل الثعلب ، تطلبه الأرض بدين ، فجاء يسعى ، حتى إذا أعيا وأنهر دخل جحره، فقالت له الأرض : يا ثعلب ! ديني. فخرج له حصاص. فلم يزل كذلك حتى تقطعت عنقه فمات.

"Bandingan orang yang lari dari maut itu sama seperti sang kancil yang dituntut oleh bumi supaya membayar hutangnya. Ia datang merayau-rayau sehingga apabila ia merasa penat dan berpeluh ia masuk ke dalam lubangnya dan bumi pun berkata kepadanya: Wahai kancil! Mana hutangku. Lalu terkeluar kentutnya kerana terlalu kencang berlari dan ia terus berlari dalam keadaan itu hingga ia tidak larat berlari, lalu ia pun mati."

Inilah suatu gambaran hidup yang memberi saranan yang amat mendalam.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 9 – 11)

Komitmen-komitmen Seorang Muslim Pada Hari Juma'at

Kini tibalah pula bahagian akhir surah ini yang khusus memberi pengajaran mengenai solat Juma'at berikutan dengan peristiwa tersebut yang mungkin berlaku lebih dari sekali. Kerana pengungkapan ayat berikut menunjukkan peristiwa itu berlaku berulang-ulang kali:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا نُودِىَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوْمِ ٱلْجُمُعَةِ فَٱسْعَوْا۟ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ وَذَرُوا۟ ٱلْبَيْعَ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

وَإِذَا رَأَوْا۟ تِجَٰرَةً أَوْ لَهْوًا ٱنفَضُّوٓا۟ إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَآئِمًا قُلْ مَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ ٱللَّهْوِ وَمِنَ ٱلتِّجَٰرَةِ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿١١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu diseru kepada solat pada hari Juma'at, maka pergilah kamu mengingati Allah dan tinggallah jual beli. Itulah yang lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui(9). Dan apabila solat selesai ditunaikan, maka berhamburlah kamu dibumi dan carilah sebahagian rezeki dari limpah kurnia Allah, dan berzikirlah sebanyak-banyak kepada Allah supaya kamu mendapat keuntungan(10). Dan apabila mereka melihat perniagaan atau hiburan mereka menyerbu kepadanya dan meninggalkan engkau berdiri. Katakanlah: Balasan di sisi Allah adalah lebih baik dari hiburan dan perniagaan, dan Allah itulah sebaik-baik pemberi rezeki."(11)

Solat Juma'at ialah solat yang menghimpunkan orang ramai. Ia tidak sah melainkan dengan berjama'ah. Ia merupakan solat mingguan di mana pada hari itu kaum Muslimin diwajibkan berkumpul, bertemu dan mendengar khutbah yang mengingatkan mereka kepada Allah. Ia merupakan ibadat mengatur disiplin masyarakat mengikut cara Islam untuk melakukan persiapan bagi kehidupan dunia dan Akhirat dalam satu disiplin yang sama dan ibadat yang sama.[6] Solat Juma'at mempunyai makna yang khusus yang mencerminkan tabi'at 'aqidah Islamiyah yang berasaskan kelompok yang telah kami bicarakan di dalam bayangan Surah as-Saff. Di sana terdapat hadith yang banyak menerangkan kelebihan solat Juma'at dan galakan supaya menghadirinya dan bersedia untuknya dengan bermandi-manda, memakai pakaian yang elok dan bau-bauan.

---

[6] *Lihat bab "العبادات الإسلامية" dalam kitab "في النفس والمجتمع" oleh Muhammad Qutb.*

Tersebut dalam Sahih (kumpulan hadith al-Bukhari dan Muslim) dari Ibn 'Umar r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إذا جاء أحدكم إلى الجمعة فليغتسل

"Apabila seseorang dari kamu menghadiri solat Juma'at, maka hendaklah ia mandi."

Para pengumpul as-Sunnah yang empat telah meriwayatkan hadith Aus ibn Aus ath-Thaqafi katanya: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

من غسل واغتسل يوم الجمعة ، وبكر و ابتكر ، ومشى ولم يركب ، ودنا من الإمام واستمع ولم يلغ ، كان له بكل خطوة أجرسنة صيامها وقيامها

"Siapa yang bermandi-manda pada hari Juma'at dan datang awal-awal, dan berjalan kaki tanpa menunggang, dan duduk dekat imam serta mendengar khutbah dan tidak lagha (dengan bercakap-cakap), maka pada setiap langkahnya ia akan memperolehi pahala setahun puasanya dan ibadat malamnya."

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dari hadith Ka'b ibn Malik dari Abu Ayub al-Ansari katanya aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

من اغتسل يوم الجمعة ومس من طيب أهله إن كان عنده ، ولبس من أحسن ثيابه ، ثم خرج يأتي المسجد، فيركع إن بدا له ، ولم يؤذ أحداً ، ثم أنصت إذا خرج إمامه حتى يصلي ، كانت كفارة لما بينها وبين الجمعة الأخرى

"Siapa yang bermandi-manda pada hari Juma'at dan memakai bauan ahlinya jika ada, dan memakai seelok-elok pakaiannya, kemudian dia keluar pergi ke masjid kemudian sembahyang (Sunat Tahiyatul-Masjid) jika dia berpeluang dan dia tidak menyakiti sesiapa, kemudian dia mendengar dengan teliti apabila imam keluar (berkhutbah) sehingga dia mendirikan solat, maka dia akan memperolehi balasan penghapusan dosa (kifarat) di antara Juma'at itu dengan Juma'at yang akan datang."

Ayat yang pertama dalam bahagian ini menyuruh kaum Muslimin supaya meninggalkan jualbeli dan segala kegiatan mencari kehidupan sebaik sahaja mereka mendengar azan:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا نُودِىَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوْمِ ٱلْجُمُعَةِ فَٱسْعَوْا۟ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ وَذَرُوا۟ ٱلْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu diseru kepada solat pada hari Juma'at, maka pergilah kamu mengingati Allah dan tinggalkanlah jualbeli. Itulah yang lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui."(9)

Ayat ini menggalakkan kaum Mu'minin supaya meninggalkan segala urusan kehidupan dan masuk ke dalam ibadat mengingati Allah pada waktu dikumandangkan azan itu:

ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

"Itulah yang lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui."(9)

Dalam waktu yang sama ayat ini juga merupakan satu pengajaran yang berkekalan pada setiap masa, kerana di sana pastilah diwujudkan waktu-waktu yang tertentu, di mana hati dapat membebaskan dirinya dari segala kesibukan kehidupan dan segala sesuatu yang menarik di bumi untuk memencilkan diri mengadap Allah, membulatkan ingatannya kepada Allah dan mengecapi rasa istimewa dari keni'matan penumpuan diri dan keni'matan perhubungan dengan alam al-Mala'ul-A'la dan mengisikan hati dan dadanya dengan udara yang bersih dan harum dari alam itu. Kemudian selepas itu barulah ia pulang kembali kepada kesibukan kehidupan serta mengingati Allah:

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

"Dan apabila solat selesai ditunaikan, maka berhamburlah kamu dibumi dan carilah sebahagian rezeki dari limpah kurnia Allah, dan berzikirlah sebanyak-banyaknya kepada Allah supaya kamu mendapat keuntungan."(10)

Imbangan Di Antara Keperluan Kehidupan Dengan Keperluan Menghubungkan Jiwa Dengan Allah

Inilah imbangan yang menjadi ciri sistem hidup Islam, iaitu memelihara imbangan di antara keperluan kehidupan seperti bekerja, membanting tulang, bergiat dan berusaha dengan keperluan jiwa yang memerlukan 'uzlah atau pemencilan diri sebentar dari suasana yang sibuk itu untuk menumpukan ingatannya kepada Allah. Masa 'uzlah yang seperti itu merupakan satu keperluan, bagi kebaikan dan kesejahteraan kehidupan hati untuk berhubung dengan Allah dan menerima ilham-ilham darinya dan untuk memikul tugas amanah agama yang agung itu, **"zikrullah"** atau mengingati Allah itu adalah perlu dalam masa mencari kehidupan, kerana perasaan dan kesedaran kepada Allah dalam masa inilah yang mengubahkan kegiatan mencari kehidupan itu kepada ibadat. Namun demikian ia tetap memerlukan kepada suatu masa yang khusus untuk Zikrullah semata-mata, untuk mengasingkan diri yang sempurna dari kesibukan kehidupan dan untuk pembulatan hati yang tulus kepada Allah sebagaimana disarankan oleh dua ayat tadi.

Kebiasaan 'Irak ibn Malik r.a. ialah apabila dia selesai bersembahyang Juma'at dan mengundurkan dirinya, dia berhenti di pintu masjid dan berdo'a:

اللهم إني أجبت دعوتك وصليت فريضتك ، وانتشرت كما أمرتني . فارزقني من فضلك وأنت خير الرازقين

"Ya Allah ya Tuhanku! Aku telah menyahuti seruan-Mu, aku telah selesai mengerjakan solat yang difardhukan-Mu, dan aku berhambur keluar sebagaimana diperintahkan Engkau, oleh itu kurniakanlah kepadaku rezeki dari limpah kurnia-Mu dan sesungguhnya Engkau sebaik-baik pemberi rezeki."[7]

Cerita ini menggambarkan bagaimana 'Irak ibn Malik memandang perintah Ilahi ini dengan begitu sungguh-sungguh dan melaksanakannya dengan begitu mudah, iaitu melaksanakan perintah dengan sepenuh ertikatanya sebaik sahaja diterima olehnya.

Mungkin kefahaman yang sungguh-sungguh, jelas dan mudah inilah yang telah meningkatkan kelompok Muslimin di zaman itu ke taraf yang amat tinggi yang dicapai oleh mereka, walaupun ketika itu terdapat di persekitaran mereka adat kebiasaan jahiliyah yang menarik seperti yang digambarkan oleh ayat yang akhir dari surah ini:

Gangguan Hiburan Dan Perlagaan Terhadap Penumpuan Minda Kepada Ibadat Solat

وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا انفَضُّوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا ۚ قُلْ مَا عِندَ اللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ اللَّهْوِ وَمِنَ التِّجَارَةِ ۚ وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿١١﴾

"Dan apabila mereka melihat perniagaan atau hiburan mereka menyerbu kepadanya dan meninggalkan engkau berdiri. Katakanlah: Balasan di sisi Allah adalah lebih baik dari hiburan dan perniagaan, dan Allah itulah sebaik-baik pemberi rezeki."(11)

Dari Jabir r.a. katanya: Ketika kami mendirikan solat tiba-tiba datanglah angkatan qafilah yang membawa makanan, lalu mereka menyerbu kepada qafilah itu hingga tiada yang tinggal (meneruskan solat) bersama Nabi s.a.w. melainkan dua belas orang sahaja termasuk Abu Bakr dan 'Umar r.a. Kerana itu turunlah ayat: **"Dan apabila mereka melihat perniagaan atau hiburan mereka menyerbu kepadanya dan meninggalkan engkau berdiri."** [8]

Di dalam ayat ini dijelaskan kepada mereka bahawa balasan di sisi Allah adalah lebih baik dari hiburan dan perniagaan, juga mengingatkan mereka bahawa rezeki itu adalah dari Allah **"Dari Allah itulah sebaik-baik pemberi rezeki."**

Peristiwa ini sebagaimana telah kami terangkan adalah membuktikan betapa hebatnya usaha mendidik dan membangun jiwa kelompok Muslimin di zaman itu sehingga akhirnya berjaya diwujudkan kelompok Muslimin yang unik di dalam sejarah. Peristiwa ini juga memberikan kepada pejuang-pejuang da'wah Allah di setiap zaman bekalan modal kesabaran dalam menghadapi kelemahan, kekurangan, kemunduran dan jatuh rebah di tengah jalan perjuangan yang dialami mereka. Kerana inilah sifat jiwa manusia dengan segala baik buruknya. Dan jiwa itu mempunyai kesediaan dan kemampuan yang tidak terbatas untuk mendaki tangga-tangga 'aqidah dan kebersihan diri yang tinggi apabila disertakan dengan kesabaran, kefahaman, kesedaran, ketekunan, kegigihan dan tidak patah semangat di separuh jalan. Kepada Allah dipohon pertolongan – والله المستعان.

---

[7] *Diriwayatkan oleh Ibn Abu Hatim.*
[8] *Diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim dan at-Tirmizi.*